

FRASA

1. KONSEP

- Frasa ialah unit atau **korpus** bahasa yang terletak di tingkat yang lebih tinggi daripada perkataan tetapi di bawah klausa dalam tingkat atau susunan tatabahasa.
- Frasa ialah **satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan**. Walaupun begitu, frasa boleh juga terdiri daripada **satu perkataan yang berpotensi diperluas** menjadi unit yang mengandungi dua perkataan atau lebih.¹

pokok pokok kelapa
 anak pokok kelapa
 anak pokok kelapa gading

kucing anak kucing
 seekor anak kucing
 seekor anak kucing adik

- Frasa dalam bahasa Melayu terdiri daripada jenis **frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama**.
- Secara umumnya frasa-frasa ini mengisi konstituen subjek dan predikat dalam pembentukan ayat dasar.²

2. CIRI FRASA³

(1) Berpotensi diperluas

- Kata intinya dapat diperluas menjadi dua atau lebih perkataan; dilakukan sebelum atau selepas kata inti.

pengurus
seorang pengurus
seorang pengurus **syarikat perumahan**
anak seorang pengurus syarikat perumahan **di bandar**

(2) Tidak mengandungi subjek dan predikat

- Frasa tidak dapat berdiri sebagai ayat kerana binaannya terdiri daripada unsur inti dan penerang sahaja.

kawasan hutan
rumah batu
hujan lebat

¹ Nik Safiah Karim, *et al. Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka (1995:416-417)

² Nik Safiah Karim, *et al* (1995:419)

³ Ahmad Khair Mohd Nor. *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu (Tatabahasa: Ayat)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (2003:29-32)

- Walaupun begitu, dalam susunan tatabahasa, frasa merupakan konstituen (unsur) kepada klausa dan frasa itu sendiri.⁴

(3) Boleh disisipkan unsur lain di antaranya

- Lazimnya boleh disisipkan kata hubung dan kata sendi nama di antara dua perkataan yang membina frasa
- Penyisipan tidak mengubah makna asalnya.

gadis (**dari**) desa
 majalah (**tentang**) sukan
 makan (**dan**) minum
 merah (**seperti**) darah

(4) Kesatuannya tidak boleh dipisahkan.

- Sekiranya frasa hendak dipindahkan kedudukannya, seluruh frasa itu harus dipindahkan bersama-sama sebagai satu kesatuan.

Anak kucing sedang tidur di dalam kotak itu.

- 1a. Sedang tidur / **anak kucing** / di dalam kotak itu.
- 1b. Di dalam kotak itu / **anak kucing** / sedang tidur.
- 1c. Di dalam kotak itu / sedang tidur / **anak kucing**.
- 1d. * Sedang **kucing** / **anak** kotak / di dalam tidur itu.

(5) Pengucapannya tidak selesai

- Pengucapan frasa tidak mempunyai kesenyapan pada akhirnya kerana frasa hanya pengisi dalam ayat.
- Sesuatu ayat biasa diakhiri dengan frasa, tetapi yang berakhir ialah ayat, bukan frasa.


(6) Menjadi unsur kepada klausa dan ayat

- Frasa ialah pengisi unsur klausa dan ayat pada konstituen subjek atau predikat.
- Frasa boleh menjadi objek dan keterangan.

(7) Boleh dipancangkan ke dalam frasa

- Frasa boleh menjadi unsur kepada frasa kerana boleh dipancangkan ke dalam sesuatu frasa lain.

anak kelapa gading



⁴ Nik Safiah Karim, *et al* (1995:416)

3. JENIS BINAAN FRASA

- Binaan frasa boleh dijeniskan kepada **frasa endosentrik** dan **frasa eksosentrik** berdasarkan penyebaran (distribusi) dalam ayat.⁵

(1) Frasa Endosentrik

- Frasa endosentrik ialah frasa yang **mengandungi unsur inti**.
- Inti merupakan **unsur yang paling penting, diberikan penumpuan makna, dan boleh mewakili keseluruhan frasa itu**.
- Frasa ini terdiri daripada **frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif**. Inti frasa nama terdiri daripada kata nama, inti frasa kerja merupakan kata kerja, dan inti frasa adjektif ialah kata adjektif.
- Inti tersebut **tidak boleh digugurkan**.

Golongan Frasa	Contoh Frasa	Contoh Unsur Inti
Frasa nama	anak ayam	ayam
	penduduk kampung	penduduk
	budak baik	budak
Frasa kerja	baru pulang	pulang
	bermain bola sepak	bermain
	menangis dengan nyaring	menangis
Frasa adjektif	sangat cantik	cantik
	manis buah	manis
	tinggi sekali	tinggi

(2) Frasa Eksosentrik

- Frasa eksosentrik ialah **frasa yang tidak terdapat unsur inti**, dan tidak mempunyai keterangan.⁶
- **Frasa sendi nama** tergolong dalam frasa jenis ini.
- Frasa ini mengandungi **dua unsur yang tidak boleh dipisahkan atau dikecilkan**, iaitu **kata sendi nama** dan **kata nama**.

Frasa Sendi Nama	
Kata Sendi Nama	Kata Nama / Frasa Nama
daripada	kakak angkatnya
di	gelanggang badminton
oleh	doktor
pada	hari itu

⁵ Asmah Hj. Omar. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1986:250)

⁶ Asmah Hj. Omar (1986:251)